



GUIDELINES ON
**OCCUPATIONAL
SAFETY & HEALTH**
IN CONSTRUCTION INDUSTRY (MANAGEMENT)
2017

GUIDANCE NOTES (CONTRACTOR)



GUIDANCE NOTES FOR
**PRINCIPAL CONTRACTOR/
CONTRACTOR(s)**

Published by:

Department of Occupational Safety and Health
(Ministry of Human Resources)
Level 1,3,4, 5, Block D4, Complex D,
Federal Government Administrative Centre, 62530 W.P. Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 | Fax: 03-8889 2443
Email: jkkp@mohr.gov.my
Website: www.dosh.gov.my

JABATAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



GARIS PANDUAN
KESELAMATAN & KESIHATAN
DALAM INDUSTRI PEMBINAAN (PENGURUSAN)
2017

NOTA PANDUAN UNTUK

KONTRAKTOR UTAMA/

PENAFIAN

Penerbitan ini bukan untuk dijual dan disediakan semata-mata untuk tujuan rujukan. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia sebagai pemilik semua hakcipta yang wujud dalam penerbitan ini. Semua penyalinan atau pengeluaran semula buku ini atau sebahagian daripadanya dalam apa-apa caratanpa kebenaran adalah dilarang sama sekali.

JKKP Malaysia tidak memberi jaminan berkenaan dengan ketepatan dan kesempurnaan kandungan buku ini dan tidak boleh dipertanggungjawabkan kerana memberikan maklumat sedemikian.

ISI KANDUNGAN

Penafian	ii
Isi kandungan	iii
Definisi	vi
Singkatan	viii
1.0 PENGENALAN	1
1.1 Tujuan	2
1.2 Prinsip Umum untuk Menjamin Keselamatan dan Kesihatan Pembinaan.....	2
1.3 Skop & Aplikasi	4
2.0 SIAPAKAH KONTRAKTOR UTAMA	6
2.1 Peranan Kontraktor Utama.....	6
2.2 Tugas Kontraktor Utama	7
3.0 Siapakah Kontraktor	17
3.1 Peranan Kontraktor	17
3.2 Tugas Kontraktor.....	17
4.0 PROSES PEMIKIRAN KONTRAKTOR UTAMA & KONTRAKTOR	31
4.1 Fasa Pra-Pembinaan	32
4.1.1 Kontraktor utama	32
4.1.2 Kontraktor	33
4.2 Semasa Pembinaan.....	36
4.2.1 Kontraktor utama	37
4.2.2 Kontraktor	38
4.3 Selepas Pembinaan	39
5.0 PENGURUSAN RISIKO REKA BENTUK.....	41
5.1 Pertimbangan Risiko khusus.....	42
5.2 Pertimbangan reka bentuk yang akan dimaklumkan kepada pihak Pengurusan Risiko Reka Bentuk	44
5.3 Mengintegrasikan Reka Bentuk dan Pengurusan Risiko untuk Proses Kajian Semula Reka bentuk.....	47

6.0	PRINSIP PENCEGAHAN	48
7.0	PROSEDUR KAJIAN SEMULA REKA BENTUK.....	50
7.1	PERATURAN-1 Semakan Semula Konsep Reka Bentuk	54
7.2	PERATURAN-2 Semakan Semula Perincian Reka Bentuk	58
7.3	PERATURAN-3 Semakan Semula Pra-Pembinaan.....	68
8.0	DOKUMEN UNTUK DIHASILKAN DAN DIKEKALKAN	73
8.1	Apa yang perlu diperoleh?	76
8.2	Apa yang perlu diedarkan?	77
8.3	Rancangan Fasa Pembinaan.....	77
8.4	Fail Kesihatan dan keselamatan	81
9.0	RUJUKAN	84
9.1	Rujukan Penerbitan.....	84
9.2	Rujukan lanjut	85
10.0	LAMPIRAN	86
10.1	Contoh dokumentasi	86
10.2	Senarai semak	86
10.3	Jadual	87
	LAMPIRAN 1. Contoh Surat Perlantikan PEREKA UTAMA	88
	LAMPIRAN 2. MAKLUMAT RINGKASAN KLIEN.....	89
	LAMPIRAN 3. contoh Maklumat PrA-PEMBINAAN (PCI) KLIEN.....	90
	LAMPIRAN 4. Contoh Penilaian Pereka UTAMA KLIEN.....	92
	LAMPIRAN 5. Contoh Borang Penilaian Risiko Kualitatif.....	97
	LAMPIRAN 6. Contoh RANCANGAN Fasa Pembinaan (CPp)	98
	LAMPIRAN 7. Contoh Fail Keselamatan dan Kesihatan (fkk).....	101
	LAMPIRAN 8. SENARAI SEMAK:TUGASKLIEN	103
	LAMPIRAN 9. Senarai Semak: PRA-PEMBINAANKlien.....	104
	LAMPIRAN 10. SENARAI SEMAK: PERTIMBANGAN PEMEGANG TUGAS (KLIEN)	105
	LAMPIRAN 11. SENARAI SEMAK: PERTIMBANGAN PEMEGANG TUGAS (PEREKA UTAMA &PEREKA).....	108
	LAMPIRAN 12. Senarai Semak: Pertimbangan Pemegang Tugas (Kontraktor UTAMA & Kontraktor)	110

LAMPIRAN 13.PERANCANGAN KERJA-KERJA PEMBINAAN	114
LAMPIRAN 14. CONTOH ANALISA AWAL BAHAYA (Diambil dari Nota Panduan HK OSHEC & DEVB 2010)	116
LAMPIRAN 15.CONTOH KANDUNGAN FAIL Keselamatan dan Kesihatan	118
LAMPIRAN 16.CONTOH PENGENALA HAZAD AWAL	120
LAMPIRAN 17. SENARAI merah, kuning dan hijau (Senarai MKH)	122

DEFINISI

Projek - Bermaksud satu projek yang meliputi atau bertujuan untuk merangkumkan kerja pembinaan dan termasuk semua perancangan, reka bentuk, pengurusan atau kerja-kerja lain yang terlibat dalam projek sehingga akhir fasa pembinaan.

Struktur - Ditakrifkan sebagai sebarang struktur kekal atau sementara, termasuklah mana-mana bahagian struktur dan mana-mana produk, atau sistem mekanikal atau elektrik yang dicadangkan untuk struktur.

Semunasabah yang dapat dilaksanakan - Bermakna bahawa tahap risiko dalam keadaan tertentu boleh menjadi seimbang terhadap masa, masalah, kos dan kesukaran fizikal mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan risiko. Sesuatu tindakan dianggap dapat dilaksanakan apabila ia mampu dilakukan. Untuk menentukan sama ada sesuatu tindakan adalah munasabah, perlu dipertimbangkan:

- a) Keterukan sebaran kecederaan atau bahaya kepada kesihatan yang mungkin berlaku;
- b) tahap risiko (atau kemungkinan) kecederaan atau kemudaratan;
- c) pengetahuan tentang bahaya dan cara-cara untuk menghapuskan, mengurangkan atau mengawalinya; dan
- d) ketersediaan, kesesuaian dan kos perlindungan.

Orang ditakrifkan sebagai individu yang:

- a) Menjalankan atau yang boleh terjejas oleh kerja-kerja pembinaan struktur; atau
- b) Bekerja di sebuah bangunan siap atau struktur sebagai tempat kerja termasuk individu yang mengekalkan atau

membersihkan struktur, atau apa-apa di dalam atau ke atas struktur.

Fasa pra-pembinaan - Apa-apa tempoh masa di mana reka bentuk atau kerja-kerja persediaan dijalankan untuk projek dan boleh diteruskan semasa fasa pembinaan;

Klien Domestik - klien sesebuah projek pembinaan yang dijalankan yang tidak dilakukan berkaitan dengan perniagaan. Kerja-kerja pembinaan ke atas rumah-rumah domestik, di mana rumah adalah kediaman utama klien, tidak terlibat dengan urusan perniagaan, tetapi jika rumah yang lain dibina dalam kawasan tapak kediaman utama, atau rumah keluarga diubah kepada pangsapuri, ia ia mungkin akan dikaitkan dengan pemajuan perniagaan (berpotensi dikenakan cukai atas apa-apa keuntungan).

Kesesuaian kontraktor - Ujian kesesuaian termasuklah penilaian terhadap kecukupan masa dan sumber-sumber lain, pengalaman masa lalu projek yang sama, dan pengalaman dan kelayakan pekerja.

Perbadanan Pengurusan - Berhubung dengan mana-mana bangunan yang dipecah bahagi merujuk kepada mana-mana perbadanan yang ditubuhkan di bawah seksyen 39, 64 atau 64A, Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318].

Pelan fasa pembinaan - adalah sama dengan pelan keselamatan dan kesihatan seperti yang dicadangkan dalam Garis Panduan bagi:

- i. Spesifikasi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH);
- ii. Jadual Harga OSH oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan.

SINGKATAN

- Garis Panduan OSHCIM 2017 - Garis Panduan Keselamatan & Kesihatan Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017
- KKP - Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

1.0 PENGENALAN

Panduan Proses Kerja Pemegang Tugas ini adalah berdasarkan amalan industri yang baik yang akan membantu perniagaan dan organisasi terutamanya, bagi melengkapkan bangunan dan pembinaan projek-projek dengan cara yang menghalang kecederaan dan keuzuran.

Terdapat tiga (3) nota panduan bagi pemegang tugas dan satu (1) nota panduan untuk pihak berkepentingan untuk dipertimbangkan.

- a) Klien
- b) Pereka Utama dan Pereka
- c) **Kontraktor Utama dan Kontraktor**
- d) Pihak berkepentingan
 - Pekerja
 - Pihak Penguatkuasa
 - Institusi pendidikan
 - Badan Profesional Seni Bina, Kejuruteraan dan Pembinaan

NOTA: Panduan ini adalah berdasarkan garis panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 (Garis panduan OSHCIM 2017), yang diterbitkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Malaysia, yang boleh dimuat turun di <http://www.dosh.gov.my/index.php/en/>

1.1 Tujuan

Garis Panduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Industri Pembinaan (Pengurusan) 2017 bertujuan untuk meningkatkan keselamatan dan kesihatan dalam industri pembinaan dengan membantu untuk:

- a) Merancang sebarang projek supaya risiko yang terlibat diuruskan dengan berkesan, dari awal hingga akhir;
- b) Memastikan orang yang betul diupah untuk kerja yang betul, pada masa yang tepat;
- c) Menyelaraskan apa-apa projek dengan mereka yang berkenaan;
- d) Mendokumentasikan maklumat tentang risiko dan cara menguruskannya dengan tepat;
- e) Menyampaikan maklumat dengan berkesan kepada mereka yang perlu mengetahui;
- f) Berunding dan melibatkan diri dengan pekerja tentang risiko dan cara menguruskannya

1.2 Prinsip Umum untuk Menjamin Keselamatan dan Kesihatan Pembinaan

Garis panduan ini adalah berdasarkan kepada lima prinsip umum:

- a) menguruskan risiko dengan menggunakan pendekatan pengurusan risiko dan prinsip-prinsip umum pencegahan;
- b) melantik pihak dan organisasi yang tepat pada masa yang tepat;
- c) memastikan semua pihak mempunyai maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan yang diperlukan untuk melaksanakan tugas mereka dengan cara yang menjamin keselamatan dan kesihatan;
- d) pemegang tugas bekerjasama dan berkomunikasi antara satu sama lain dan menyelaraskan kerja; dan

- e) berunding dengan pekerja dan melibatkan diri dengan mereka untuk menggalakkan dan membangunkan langkah-langkah yang berkesan untuk menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan.

Berikut dinyatakan prinsip-prinsip pemegang tugas di dalam pendekatan mereka untuk mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengawal risiko keselamatan dan kesihatan dalam projek tertentu. Proses pengurusan risiko adalah cara yang sistematik untuk memastikan keselamatan di tempat kerja dan ia juga boleh digunakan sebagai sebahagian daripada proses reka bentuk. Ia melibatkan pengenalanpastian bahaya, penilaian risiko, kawalan risiko dan kajian semula langkah-langkah kawalan. Ringkasnya, prinsip umum:

- (A) mengelakkan risiko sekiranya boleh;
- (B) menilai risiko-risiko yang tidak dapat dielakkan; dan
- (C) mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk mengawal risiko pada sumbernya.

Adalah disyorkan bagi klien untuk mengambil kira prinsip-prinsip berikut dalam menjalankan tugas mereka. Penggunaan prinsip ini pada peringkat perancangan dan reka bentuk membolehkan klien untuk mengintegrasikan langkah-langkah kawalan awal dalam proses reka bentuk untuk mengelakkan atau, jika dilaksanakan dengan munasabah, dapat mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan sepanjang hayat struktur yang sedang direka bentuk. Perancangan keselamatan untuk struktur haruslah menjadi sebahagian daripada objektif reka bentuk yang luas, termasuklah kebolegunaan, estetika, kos dan fungsi. Objektif ini perlu diseimbangkan dengan supaya tidak menjejaskan keselamatan dan kesihatan mereka yang bekerja atau menggunakan bangunan. panduan am tentang proses

pengurusan risiko terdapat dalam Garis Panduan bagi Pengenalpastian Hazard, Penaksiran Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC).

1.3 Skop & Aplikasi

Tanggungjawab Kontraktor Utama dan Kontraktor adalah sepanjang kitaran hayat projek dan berterusansehingga penyerahan premis untuk penginapan dan seluruh operasi serta penyelenggaraan sehinggalah premis perlu dirobohkan.

Kewajipan dalam menguruskan keperluan OSHCI (M), yang didokumen dan diselenggara hendaklah relevan kerana akan digunakan untuk membantu pemegang tugasmenjalankan usaha yang wajar di bawah Akta OSH 1994 dan pematuhan semasa.

Nota panduan ini boleh digunakan untuk semua projek yang melibatkan pembangunan projek pembinaan, membaikpulih dan pengubahsuaian struktur, pemasangan loji dan peralatan, dan penggunaan bahan-bahan semasa pembinaan dan operasi.

Proses pengurusan risiko yang dinyatakan hendaklah digunakan. Walau bagaimanapun, sejauh mana bukti dokumen yang diperlukan mungkin berbezamengikut projek. Faktor penentu adalah kemungkinan dan tahap bahaya kepada orang ramai dan harta.

Prinsip Akta OSH 1994 mengharapkan akan ada keseimbangan antara usaha yang diperlukan, masa dan kos, dan manfaat yang diperolehi daripada proses tersebut. Bagi kerja-kerja dengan bahaya dan akibat yang berisiko rendah, proses itu boleh dengan sewajarnya dihentikan.

Pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik di tapak adalah penting bagi menjayakan sesebuah projek pembinaan. Dalam perhubungan dengan klien dan pereka utama, kontraktor utama mempunyai peranan yang penting dalam menguruskan risiko kerja-kerja pembinaan dan menyediakan kepimpinan yang mantap bagi memastikan piawaian difahami dan diikuti.

2.0 SIAPAKAH KONTRAKTOR UTAMA

Kontraktor utama (KU) adalah kontraktor yang mengawal keseluruhan fasa pembinaan projek yang mempunyai **lebih daripada satu kontraktor**. Mereka dilantik oleh klien dan **perlu hanya ada satu Kontraktor utama untuk projek pada satu-satu masa**.

Istilah projek di dalam panduan ini digunakan untuk menggambarkan apa-apa pembinaan, bangunan, pembaikan infrastruktur atau kerja-kerja penyelenggaraan, sama ada di tapak tetap atau sementara. Kontraktor utama haruslah mampu menjalankan peranan dan mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman, bergantung kepada jenis kerja dan kepelbagaian dan jenis risiko keselamatan dan kesihatan yang terlibat.

2.1 Peranan Kontraktor Utama

Kontraktor Utama mempunyai peranan penting dalam menguruskan keselamatan dan kesihatan semasa fasa pembinaan. Ia dicapai terutamanya dengan membangunkan **Rancangan Fasa Pembinaan** daripada **maklumat pra-pembinaan** yang dikenal pasti dan **dikumpulkan oleh Pereka Utamad** dan **disediakan oleh klien dan pereka**, dan dengan memastikan rancangan itu dipatuhi.

Mungkin terdapat keadaan di mana dua atau lebih bilangan projek sedang dijalankan di tapak yang sama pada masa yang sama tetapi dikendalikan secara berasingan. Dalam apa jua keadaan, adalah penting untuk menjelaskan siapakah yang berkuasa semasa fasa pembinaan di mana-mana bahagian tapak pada bila-bila masa. Jikasukar bagi satu kontraktor utama untuk mengawal keseluruhan projek, kontraktor-kontraktor utama yang terlibat hendaklah:

- (a) Bekerjasama antara satu sama lain;
- (b) Menyelaras kerja mereka; dan
- (c) Mengambil kira mana-mana persamaan yang dikongsi antara aktiviti-aktiviti setiap projek (contohnya, perkongsian laluan trafik).

Garis Panduan OSHCIM menghuraikan kewajipan Kontraktor Utama semasa fasa pembinaan. Tugas utama mereka adalah untuk merancang, mengurus, memantau dan menyelaras kerja-kerja setiap fasa. Tugas-tugas lain termasuk memastikan kesesuaian tapak induksi dan kemudahan kebajikan disediakan.

2.2 Tugas Kontraktor Utama

Kontraktor utama adalah menguruskan fasa pembinaan projek. Ini melibatkan hubungan dengan klien dan Pereka Utama sepanjang projek termasuklah semasa fasa pra-pembinaan.

Bergantung kepada jenis projek, Pereka Utama dan Kontraktor utama mungkin dibantu oleh pereka, kontraktor dan pekerja.

Kontraktor utama dari segi pengurusan menurut panduan ini hendaklah terlibat dalam perancangan, pemantauan dan penyelarasan fasa pembinaan supaya keselamatan dan kesihatan risiko dapat dikawal. Tindakan utama termasuklah:



Rajah 1 : Model ini menggambarkan reka bentuk dan pengaturan di mana semua pihak berkait antara satu sama lain

- a) **Merancang:** Kontraktor utama mempunyai kewajipan mutlak untuk menyediakan rancangan fasa pembinaan sebelum pembinaan bermula, dan membangunkan, komunikasi, melaksanakan dan meminda rancangan jika perlu untuk mengekalkan kecukupan bagi merancang, mengurus dan memantau kerja-kerja pembinaan dengan berkesan. Ini bagi memastikan kerja yang dilakukan, setakat yang semunasabahnya dapat dilaksanakan, tanpa risiko terhadap kesihatan dan keselamatan. Prinsip asas untuk pencegahan adalah:
- i. mengelakkan risiko;
 - ii. menilai risiko yang tidak dapat dielakkan;
 - iii. memerangi risiko pada sumber;
 - iv. menyesuaikan kerja kepada individu, terutama tentang reka bentuk tempat kerja, pemilihan peralatan kerja, kaedah kerja dan cara pengeluaran, dengan tujuan, khususnya, untuk mengurangkan kerja yang membosankan, bekerja pada kadar

kerja yang telah ditetapkan dan untuk mengurangkan kesan ke atas kesihatan;

- v. menyesuaikan diri dengan kemajuan teknikal;
- vi. menggantikan berbahaya dengan bukan-berbahaya atau kurang berbahaya;
- vii. mewujudkan polisi pencegahan keseluruhan yang jelas, meliputi teknologi, organisasi kerja, keadaan kerja, hubungan sosial dan pengaruh faktor-faktor yang berkaitan dengan persekitaran kerja;
- viii. memberi keutamaan bagi langkah-langkah perlindungan yang kolektif berbanding langkah-langkah perlindungan individu; dan
- ix. memberi arahan yang sesuai kepada pekerja.

b) **Menyelaras:** kontraktor utama mempunyai tanggungjawab khusus untuk memastikan kontraktor di bawah kawalan mereka bekerjasama antara satu sama lain supaya risiko kepada diri sendiri dan orang lain yang terlibat dengan kerja-kerja diuruskan dengan berkesan. Ini termasuk memastikan kontraktor yang memulakan kerja di pelbagai peringkat fasa pembinaan bekerjasama antara satu sama lain supaya sebarang maklumat dan arahan yang berkaitan untuk kontraktor baru untuk menjalankan tugas mereka dengan selamat disediakan. Mesyuarat secara berkala antara kontraktor utama dan kontraktor adalah cara yang berkesan untuk memastikan iadapat dilakukan.

Keperluan penyelarasan bukan sahaja diaplikasikan apabila melaksanakan keperluan dalam garis panduan ini, tetapi juga apabila mematuhi mana-mana syarat keselamatan dan kesihatan yang lain. Dalam

menyelaraskan kerja-kerja majikan dan mereka yang bekerja sendiri di bawah kawalan mereka, Kontraktor utama perlu memastikan mereka:

- i. mengaplikasikan prinsip-prinsip umum pencegahan; dan
- ii. jika perlu, mematuhi rancangan fasa pembinaan

Ini akan melibatkan kontraktor utama berhubung dengan mereka yang terlibat untuk mewujudkan kefahaman yang sama tentang piawaian keselamatan dan kesihatan yang dijangka dan mendapatkan kerjasama mereka dalam memenuhi piawaian ini. Sejauh mana kontraktor utama perlu berhubung bergantung kepada risiko yang terlibat.

Kontraktor utama juga perlu bekerjasama dengan klien untuk memastikan terdapat kerjasama dengan orang lain di luar tapak pembinaan yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktiviti di tapak. Ini termasuk menyelaras aktiviti kontraktor di tapak kontraktor utama dengan kontraktor di tapak berdekatan, terutamanya jika aktiviti-aktiviti di setiap tapak yang bergabung mewujudkan bahaya di luar tapak yang perlu ditangani bersama.

- c) **Menguruskan proses pembinaan:** Kontraktor Utama mempunyai kewajipan mutlak untuk merancang, mengurus dan memantau pembinaan supaya kerja dilakukan dengan cara yang selamat dan sihat, dengan sewajarnya. Selain itu, kontraktor utama hendaklah memudahkan kerjasama dan penyelarasan antara kontraktor dan pereka jika perlu, dan penerapan prinsip-prinsip umum pencegahan.
 - i. Kontraktor utama harus mengkaji semula penilaian risiko dan pernyataan sistem kaedah kerja yang selamat yang dihasilkan oleh pelbagai kontraktor yang terlibat dalam projek ini untuk memastikan:

1. ia adalah selamat dan mematuhi undang-undang sertapiawaian keselamatan dan kesihatan
 2. menerangkan dengan jelas kaedah yang selamat bagi kerja;
 3. tidak akan menyebabkan risiko tambahan kepada diri sendiri atau orang lain melalui interaksi dengan aktiviti-aktiviti lain yang dilakukan di tempat dan masa yang sama.
- ii. Kontraktor Utama perlu memantau cara kerja yang sedang dijalankan untuk memastikan bahawa langkah-langkah dan kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam rancangan fasa pembinaan diikuti.
- iii. Pengurusan tapak dan pertimbangan serta pemantauan Kontraktor Utama termasuk tetapi tidak terhad kepada:-
1. pengaturan dan prosedur kecemasan (seperti kebakaran, ancaman bom, cara untuk melepaskan diri, pemindahan, ruang terhad)
 2. penggunaan peralatan kerja yang digunakan dan dikongsi (contohnya kren pengangkat, lif, akses penggantung)
 3. menyelaraskan aktiviti kontraktor supaya mereka tidak mewujudkan bahaya antara satu sama lain
- iv. Tugas Kontraktor utamabagi semua projek yang termasuk dalam rancangan fasa pembinaan adalah:
1. Penilaian risiko kebakaran dan pelan keselamatan kebakaran tapak;
 2. Rancangan pengurusan trafik di tapak,
 3. Pengaturan pengurusan sisa,

v. Memastikan kontraktor lain merancang, mengurus dan memantau kerja mereka, termasuklah melakukan pemeriksaan dan audit.

1. Kontraktor Utama hendaklah memastikan pemantauan dilakukan secara proaktif dan reaktif.

2. Pemantauan proaktif akan melibatkan lawatan tapak, pemeriksaan dan audit;

3. pemantauan reaktif bermaksud siasatan terhadap punca-punca kemalangan dan kejadian yang berlaku di tapak

vi. Kontraktor Utamah hendaklah memastikan kontraktor sedar bahawa mereka mempunyai tanggungjawab untuk memaklumkan kepada KU tentang sebarang kejadian kemalangan dan melaporkannya kepada JKKP di bawah KKP (Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan dan Penyakit Pekerjaan) Peraturan 2004 (NADOPOD 2004)

Walau bagaimanapun, KU perludimaklumkan juga tentang kejadian yang tidak boleh dilaporkan, kemalangan dan kejadian. Ini boleh diarahkan di bawah kontrak atau sebagai sebahagian daripada rancangan fasa pembinaan.

d) **Berbincang tentang reka bentuk:** berbincang dengan Pereka Utamatentang reka bentuk atau perubahan keatas reka bentuk.

e) **Menyediakan perundingan, induksi, maklumat dan latihan:** memberikan pekerja, pelawat dan pihak lain, maklumat tentang risiko dan peraturan yang berkaitan dengan kerja-kerja tapak dan kerja mereka;

Isu-isu berikut perlu dipertimbangkan:

i. komitmen pengurusan atasan bagi kesihatan dan keselamatan;

- ii. gariskasar projek;
- iii. pengurusan projek;
- iv. pengaturan pertolongan cemas;
- v. pengaturan pelaporan bagi kemalangan dan kejadian;
- vi. perkiraan bagi memberi taklimat kepada pekerja-pekerja secara berterusan contohnya taklimat *toolbox*;
- vii. pengaturan bagi perundingan dengan tenaga kerja tentang perkara-perkara keselamatan dan kesihatan;
- viii. tanggungjawab pekerja individu keatas kesihatan dan keselamatan.

Kontraktor utama perlu membuat pengaturan atau memastikan bahawa aturan kontraktor adalah memuaskan untuk rundingan dengan tenaga kerja tentang perkarakeselamatan dan kesihatan, penyediaan induksi keselamatan dan kesihatan tapak yang sesuai, maklumat dan latihan keselamatan dan kesihatan di tapak.

Pandangan tenaga kerja tentang aspek keselamatan dan kesihatan kerja dan tapak perlu diberi perhatian oleh kontraktor utama. Ini adalah elemen yang amat penting dalam mana-mana sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang berkesan.

Kaedah yang melibatkan tenaga kerja di tapak dan mendapatkan pandangan mereka perlu diwujudkan dalam pelan fasa pembinaan dan pekerja dimaklumkan tentang kaedah ini semasa induksi tapak.

- i. Untuk bilangan pekerja yang kecil di tapak, rundingan secara individu boleh dilaksanakan.
- ii. Untuk tapak dengan jumlah pekerja yang besar, untuk kontraktor utama mendapatkan pandangan individu mungkin tidak munasabah. Oleh itu, sistem perwakilan dan jawatankuasa perlu ditubuhkan.

- iii. Jika wakil digunakan, mereka perlu dipilih oleh tenaga kerja, dilatih untuk bertindak sebagai wakil dan pekerja perlu diberitahu tentang identiti wakil mereka.

Kontraktor Utama biasanya akan memastikan peraturan tapak disediakan kepada semua orang yang sedang bekerja di tapak dengan melakukan pengenalan lokasi, sekaligus memaklumkan kepada pekerja bahaya tapak yang penting atau luar biasa.

Latihan pekerja dan kelayakan juga perlu disahkan sebelum mereka dibenarkan untuk bekerja di tapak (orang yang diberi kuasa).

- f) **Kemudahan kebajikan, akses yang tidak dibenarkan dan peraturan tapak:** Kontraktor utama perlu memastikan kemudahan kebajikan yang mencukupi disediakan untuk kakitangan tapak. Kemudahan ini diperuntukkan oleh kontraktor, tetapi Kontraktor utama perlu memastikan bahawa ianya kekal ada dan mencukupi, termasuk keperluan untuk memastikan kebersihan dan kekemasan.

Kontraktor utama bertanggungjawab untuk memastikan bahawa: -

- i. Akses tanpa kebenaran ke tapak terhalang;
- ii. Langkah berjaga-jaga yang perlu diambil untuk menghalang capaian yang tidak dibenarkan, setimpal dengan risiko.
- iii. Apabila kerja-kerja pembinaan dijalankan di dalam pejabat, kilang dermaga dan lain-lain, aturan keselamatan yang sedia ada boleh menafikan akses yang tidak diingini ke premis secara keseluruhan dan langkah-langkah yang mungkin perlu diambil untuk menjamin keselamatan tapak dalam premis tersebut.

- iv. Tapak di kawasan pusat bandar mempunyaibilangan orang ramai yang banyak dan ada kemungkinan berkumpul. Oleh itu, pengawal boleh digunakan untuk menghalang mereka yang tidak berkenaan.
- v. Dalam aktiviti berisiko tinggi, langkah berjaga-jaga mungkin perlu lebih ditekankanberbanding tapak pembinaan normal.

Kontraktor utama juga perlu secara rasmi memberi kuasa kepada pihak yang terlibat untuk memasuki dan bekerja di tapak, sama ada secara individu atau berkumpulan. Ini biasanya dicapai dengan

- i. Menjalankan induksi tapak;
- ii. Memeriksa kecekapan individu, seperti memeriksa latihan dan kelayakan orang seperti *scaffolders* (orang yang mendirikan perancah), operator loji, juruelektrik, dan lain-lain
- iii. Peraturan tapak akan ditentukan oleh Kontraktor utama dan mungkin oleh klien dan / atau Pereka Utama dan didokumenkan dalam rancangan fasa pembinaan.
- iv. Peraturan tapak, bersama-sama dengan bahagian-bahagian lain yang berkaitan dengan pelan fasa pembinaan, akan diberikan kepada pengurusan kontraktor, dan menjelaskan kepada operator semasa induksi tapak.

Kontraktor utama kemudian mesti melaksanakan fungsi pengurusan yang mengesahkan bahawa peraturandipatuhi oleh semua orang yang terlibat dalam projek tersebut, termasuk mana-mana pelawat. Ini biasanya dicapai dengan lawatan tapak secara berkala,pemeriksaan dan audit keselamatan dan kesihatan.

- i. Tindakan yang harus diambil Kontraktor utamasekiranya gagal mematuhi peraturan tapak juga perlu dinyatakan.
- ii. Kontraktor utama mempunyai kuasa untuk memberikan arahan yang munasabah kepada kontraktor, dangaris panduan OSHCIM 2017 memerlukan kontraktor mematuhi arahan Kontraktor utama yang munasabah dan peraturan tapak.

3.0 SIAPAKAH KONTRAKTOR

Sesiapa yang secara terus menggaji atau melibatkan pekerja binaan atau menguruskan pembinaan adalah kontraktor. Kontraktor termasuk sub-kontraktor, mana-mana individu, peniaga tunggal, pekerja yang bekerja sendiri, atau perniagaan yang menjalankan, menguruskan atau mengawal kerja-kerja pembinaan sebagai sebahagian daripada perniagaan mereka.

Ini juga termasuk syarikat-syarikat yang menggunakan tenaga kerja mereka sendiri untuk melakukan kerja-kerja pembinaan di premis mereka. Tugas kontraktor termaktub sama ada pekerja di bawah kawalan mereka adalah kakitangan, pekerja yang bekerja sendiri atau pekerja agensi.

3.1 Peranan Kontraktor

Kontraktor dikehendaki untuk merancang, mengurus dan memantau kerja-kerja pembinaan di bawah kawalan mereka supaya ia dijalankan dengan cara yang mengawal risiko keselamatan dan kesihatan. Usaha yang ditumpukan pada perancangan, pengurusan dan pemantauan harus berkadar dengan saiz dan kerumitan projek serta jenis risiko yang terlibat.

3.2 Tugas Kontraktor

Tugas utama kontraktor adalah untuk merancang, mengurus dan memantau kerja-kerja di bawah kawalan mereka. Tugas-tugas lain termasuk:

- i. **Mematuhi arahan** yang diberikan kepada mereka sama ada oleh pereka bentuk utama atau kontraktor utama di tapak jika terdapat lebih daripada satu kontraktor; dan

- ii. **Menyediakan pelan fasa pembinaan** di tapak sekiranya mereka adalah satu-satunya kontraktor.
- iii. **Apabila melantik pereka atau kontraktor** (Seperti kontraktor melantik sub-kontraktor) Kontraktor hendaklah memastikan pereka bentuk atau kontraktor mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dan, jika berkaitan, kemampuan organisasi untuk menjalankan kerja-kerja yang berkaitandengan sebab lantikan; dan
- iv. **Untuk bekerjasama dengan pemegang tugas lain.**

a) **Merancang, Mengurus dan Memantau Kerja Pembinaan**

Dalam merancang, mengurus, memantau dan menyelaras fasa pembinaan, kontraktor utama hendaklah mengambil kira prinsip-prinsip am pencegahan (lihat Lampiran). Mereka perlu mengambil kira prinsip-prinsip apabila:

- i. keputusan yang diambil untuk merancang kerja atau peringkat kerja yang dilakukan pada masa yang sama atau dalam urutan; dan
- ii. menganggarkan masa kerja atau peringkat kerja tertentu akan disiapkan.

Kontraktor utama harus dipilih oleh klien sebelum fasa pembinaan bermula untuk membolehkan mereka untuk bekerja rapat dengan:

- i. klien untuk tempoh projek; dan
- ii. pereka bentuk utama bagi baki perlantikan mereka.

Kerja ini hendaklah termasuk berhubung dengan pereka utama bagi tujuan merancang, mengurus, memantau dan menyelaras fasa pra-pembinaan. Apabila projek bergerak ke fasa pembinaan, kontraktor utama perlu menerajui semua tujuan projek disamping terus berhubung dengan klien dan pereka utama.

Tumpuan usaha kontraktor utama untuk menjalankan tugas mereka perlu berkadar dengan saiz dan kerumitan projek dan risiko yang terlibat. Kontraktor utama boleh mengharapkan dan menerima bantuan daripada pemegang tugas lain dalam mengenal pasti risiko yang berkaitan dengan kerja dan menentukan kawalan yang perlu dilakukan. Khususnya:

- i. klien perlu menyediakan (dengan bantuandari pereka utama) maklumat pra- pembinaan (lihat sub-seksyen 6.1); dan
- ii. Pereka Utama perlu memberikan apa-apa maklumat lain yang diperlukan untuk penyediaan pelan fasa pembinaan (lihat sub-seksyen 6.2).

Kontraktor Utama juga perlu memastikan sesiapa sahaja yang dilantik mempunyai kemahiran, pengetahuan, dan pengalaman dan, jika ianya adalah organisasi, keupayaan organisasi untuk menjalankan kerja-kerja dengan cara yang menjamin keselamatan dan kesihatan.

1. *Merancang*

Dalam perancangan kerja, kontraktor perlu mengambil kira risiko kepada mereka yang mungkin terjejas contohnya orang awam, dan mereka yang menjalankan kerja-kerja pembinaan. Perancangan hendaklah meliputi pertimbangan yang sama seperti KU, termasuk mempertimbangkan risiko

dan memastikan langkah-langkah yang diperlukan untuk melindungi mereka yang terlibat dilakukan. Ini termasuk:

- i. Risiko yang mungkin timbul semasa kerja-kerja pembinaan;
- ii. Langkah-langkah yang diperlukan untuk melindungi mereka yang terlibat dengan perancangan untuk menyediakan mengekalkan loji yang betul dan peralatan; maklumat yang diperlukan, arahan dan latihan; dan tahap hak pengawasan;
- iii. Sumber (termasuk masa) yang diperlukan untuk menyusun dan menyelesaikan kerja, termasuk pengurusan, pemantauan dan penyelarasan.

Maklumat pra-pembinaan dan sebarang maklumat reka bentuk utama, mengenal pasti risiko yang perlu diuruskan semasa kerja-kerja pembinaan, akan membantu dalam merancang dan merangka rancangan fasa pembinaan.

2. *Mengurus:*

Aturan bagi menguruskan kerja-kerja pembinaan perlu mengambil kira isu-isu sama yang perlu dipertimbangkan oleh kontraktor utama. Untuk mengurus fasa pembinaan, kontraktor utama perlu memastikan bahawa:

- i. mereka yang terlibat mampu untuk menjalankan kerja;
- ii. langkah pencegahan dan perlindungan berkesan dilaksanakan untuk mengawal risiko; dan
- iii. loji, peralatan dan alat-alat yang disediakan adalah betul untuk menjalankan kerja-kerja yang terlibat.

Menguruskan orang untuk mencegah dan mengawal risiko memerlukan kepimpinan. Kontraktor Utama boleh menunjukkan kepimpinan yang jelas

melalui tindakan pengurusan mereka. Tindakan ini termasuk menetapkan piawaian amalan kerja dan memberikan contoh dengan mematuhi amalan tersebut. Pemimpin dalam keselamatan dan kesihatan perlu memahami apa yang diperlukan dalam keadaan tertentu, membuat keputusan dengan jelas, dan dapat berkomunikasi dengan berkesan. Pendekatan yang sistematik untuk pengurusan perlu diambil untuk memastikan pekerja memahami:

- i. risiko dan langkah kawalan ke atas projek tersebut;
- ii. siapa yang bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesihatan;
- iii. piawaian yang konsistendigunapakai sepanjang projek dan akan diperiksa secara berkala;
- ii. dimana mereka boleh mencari maklumat keselamatan dan kesihatan yang mudah difahami, diatur dengan baik dan berkaitan dengan tapak; dan
- i. bahawa kejadian akan disiasat dan pengajaran akan diperolehi.

Pengawasan yang baik adalah sebahagian daripada cara untuk menunjukkan kepimpinan dalam keselamatan dan kesihatan. Ia:

- i. menumpukan perhatian pekerja tentang risiko dan cara untuk mengelak daripada risiko tersebut;
- ii. menunjukkan komitmen untuk mewujudkan dan mengekalkan langkah-langkah kawalan;
- iii. melibatkan rundingan berkesan dengan pekerja dengan mengambil kira pandangan mereka; dan
- iv. untuk menangani keadaan dan cara kerja tidak selamat sekiranya ia timbul.

3. *Memantau:*

Kontraktor perlu memantau kerja untuk memastikan bahawa langkah berjaga-jaga bagikeselamatan dan kesihatan adalah sesuai, dijalankan dan sejajar dengan amalan. Pantauan yang berkesan oleh kontraktor perlu menangani isu-isu yang sama yang perlu dipertimbangkan kontraktor utama. Ini termasuk menggunakan gabungan langkah-langkah untuk menyemak prestasi dan mengambil tindakan segera apabila timbul isu.

Piawaiian perlu diperiksa secara berkala memandangkan sifatnyayang berubah di tapak pembinaan. Pemantauan yang berkesan melibatkan:

- i. masa dan usaha (dengan sumber yang mencukupi yang telah disediakan di peringkat perancangan - lihat perenggan 96);
- ii. melihat keselamatan dan kesihatan dengan cara yang sama sebagai aspek yang penting di dalam perniagaan;
- iii. mengambil tindakan segera sekiranya perlu; dan
- iv. menggunakan gabungan langkah-langkah prestasi - aktif dan reaktif, sebagai contoh:
 - pemeriksaan rutin akses dan kawasan tapak serta loji dan peralatan, atau pengurusan risiko kesihatan untuk mencegah bahaya (aktif);
 - menyiasat kejadian yang nyaris berlaku dan kemalangan serta pemantauan kes yang membawa maut (reaktif).

b) Mematuhi arahan dan rancangan fasa pembinaan

Untuk projek yang melibatkan lebih daripada seorang kontraktor, kontraktor dikehendaki mematuhi apa-apa arahan bagikeselamatan dan kesihatan yang diberikan kepada mereka oleh Pereka Utama atau Kontraktor Utama

(Seksyen 6.1 Garis Panduan OSHCIM 2017). Mereka juga dikehendaki untuk mematuhi bahagian rancangan fasa pembinaan yang berkaitan dengan kerja mereka (Seksyen 6.2 Garis Panduan OSHCIM 2017), termasuk peraturan tapak yang hendaklah meliputi (tetapi tidak terhad kepada):

- i. Alat pelindung diri
- ii. Tempat letak kenderaan
- iii. Penggunaan radio
- iv. Telefon bimbit
- v. Merokok
- vi. Kawasan larangan
- vii. Kerja melibatkan suhu panas
- viii. Pengaturan kecemasan

Peraturan haruslah jelas dan mudah difahami. Ia perlu dibawa kepada perhatian semua orang di tapak yang akan mematuhi. Kontraktor utama juga perlu mengambil kira apa-apa keperluan khas, sebagai contoh, keperluan untuk menterjemah peraturan tapak yang disediakan di lokasi.

c) Merangka rancangan fasa pembinaan

Untuk projek kontraktor tunggal, kontraktor perlu memastikan rancangan fasa pembinaan disediakan secepat yang mungkin sebelum tapak pembinaan dibangunkan. Panduan tentang tugas kontraktor berhubung dengan rancangan fasa pembinaan dinyatakan dalam Seksyen 6.2 Garis Panduan OSHCIM 2017 - perenggan 180-187.

d) Melantik dan menggaji pekerja

Apabila kontraktor menggaji atau melantik individu untuk bekerja di tapak pembinaan, mereka perlu membuat pemeriksaan sam ada individu:

- i. mempunyai kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman untuk menjalankan kerja-kerja dengan cara yang menjamin keselamatan dan kesihatan untuk sesiapa yang bekerja di tapak; atau
- ii. dalam proses untuk mendapatkannya.

e) Pengenalan tapak

Kontraktor perlu memastikan setiap pekerja tapak diberikan pengenalan tapak yang sesuai. Induksi perlu spesifik dan menyetengahkan sebarang risiko tertentu (termasuk yang disenaraikan di Lampiran 4) dan langkah-langkah kawalan yang perlu diketahui. Isu-isu berikut perlu dipertimbangkan:

- i. komitmen pengurusan atasan untuk keselamatan dan kesihatan;
- ii. gariskasar projek;
- iii. pengurusan projek;
- iv. pengaturan pertolongan cemas;
- v. aturan pelaporan kejadian dan kemalangan;
- vi. aturan bagi memberikan taklimat kepada pekerja secara berterusan, sebagai contoh, taklimat *toolbox*;
- vii. aturan perundingan tenaga kerja tentang perkara-perkara keselamatan dan kesihatan;

- viii. tanggungjawab pekerja individu untuk keselamatan dan kesihatan.

Pengenalan tapak juga perlu diberikan kepada mereka yang tidak kerap bekerja di tapak, tetapi bagi yang melawat sekali-sekala (contohnya, arkitek) atau sekali sahaja (contohnya, pelajar). Induksi harus setimpal dengan tujuan lawatan. Induksi yang disediakan kepada pengunjung yang diiringi tidak perlu mempunyai maklumat seperti mana pelawat yang tidak diiringi. Pelawat yang diiringi hanya perlu diberi kesedaran tentang bahaya utama yang mungkin terdedah kepada mereka dan langkah-langkah kawalan.

f) Melatih pekerja:

Untuk menentukan sama ada latihan adalah perlu bagi mana-mana pekerja, kontraktor hendaklah:

- i. menilai kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman keselamatan dan kesihatan sedia ada pekerja mereka;
- ii. membandingkan sifat sedia ada dengan pelbagai kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang perlu untuk kerja; dan
- iii. Mengenal pasti sebarang kekurangan antara (i) dan (ii) di atas.

Perbezaan antara kedua-dua akan menjadi latihan yang diperlukan. Secara amnya, jika orang yang dinilai menunjukkan kualiti yang diperlukan maka latihan lanjut tidak diperlukan. Penilaian ini perlu mengambil kira latihan yang diperlukan oleh undang-undang keselamatan dan kesihatan lain dan juga yang diperlukan untuk memenuhi keperluan undang-undang semasa dan akan datang.

Penilaian keperluan latihan harus menjadi proses yang berterusan sepanjang tempoh projek. latihan lanjut mungkin diperlukan jika:

- i) risiko keatas mereka yang terdedah berubah disebabkan oleh tugas-tugas kerja mereka;
- ii) teknologi atau peralatan baru diperkenalkan; atau
- iii) perubahan sistem kerja.

Tahap kemahiran juga boleh menurun jika ia tidak digunakan dengan kerap. Perhatian khusus harus diberikan kepada orang-orang yang digaji secara berkala - mereka mungkin memerlukan latihan lanjut yang lebih kerap berbanding orang-orang yang melakukan kerja dengan kerap.

Kontraktor juga perlu mengambil kira 'soft skills' seperti keupayaan untuk menjangkakan risiko, mengekalkan sensitiviti kepada risiko, menjangka kesilapan yang mungkin dilakukan oleh orang lain dan untuk berkomunikasi dengan jelas, serta pekerja yang mempunyai lebih kemahiran teknikal yang diperlukan untuk kerja-kerja mereka.

g) Menyediakan penyeliaan;

kontraktor hendaklah memastikan bahawa pengawasan yang sesuai disediakan.

- i. Tahap pengawasan yang diberikan bergantung kepada risiko kesihatan dan keselamatan yang terlibat, kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman pekerja berkenaan.
- ii. Pekerja memerlukan pengawasan lebih dekat jika mereka masih muda, tidak berpengalaman, atau memulakan aktiviti kerja yang baru. Dalam keadaan ini, pengaturan perlu dimasukkan untuk pengawasan berterusan walaupun penyelia tidak hadir.

- iii. Faktor-faktor lain yang perlu dipertimbangkan apabila menilai tahap pengawasan yang diperlukan adalah tahap kesedaran keselamatan individu, pendidikan, ketangkasan fizikal, literasi dan sikap.
- iv. Pekerja yang berpengalaman mungkin memerlukan tahap penyeliaan yang sesuai jika mereka tidak mempunyai beberapa atau semua kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman yang diperlukan untuk kerja dan risiko yang terlibat.

Penyelia adalah penting untuk pengaturan pengurusan yang berkesan.

- i. Penyelia yang efektif adalah mereka yang mempunyai kemahiran, pengetahuan, latihan, pengalaman dan kualiti kepimpinan yang sesuai dengan pekerjaan.
- ii. Kemahiran komunikasi dan pengurusan manusia yang baik di tapak adalah kualiti penting bagi penyelia.
- iii. Pekerja tapak yang dinaikkan pangkat kepada penyelia perlu diberi latihan seliaan tapak yang diiktiraf yang merangkumi komponen yang meliputi kemahiran kepimpinan dan komunikasi.

Peranan penyelia termasuklah mengetuai pasukan, menjalankantaklimat dan rundingan *toolbox*.

- i. Ia juga termasuk bimbingan dan galakan pekerja secara individu dan menyokong keterlibatan rasmi atau tidak rasmi dengan pekerja.
- ii. penyelia mempunyai peranan penting sebagai pembuat keputusan dalam keadaan kecemasan atau apabila pekerja di

tapak menghadapi risiko yang mungkin memerlukan kerja untuk diberhentikan dengan segera.

h) Menyediakan maklumat dan arahan;

Kontraktor perlu menyediakan maklumat dan arahan yang diperlukan kakitangan dan pekerja di bawah kawalan mereka supaya kerja boleh dijalankan tanpa risiko kepada kesihatan dan keselamatan. Ini termasuklah:

- i. **Pengenalan tapak yang sesuai** sekiranya tidak disediakan oleh kontraktor utama.
- ii. **Prosedur yang harus dipatuhi** sekiranya berlaku bahaya serius dan menjejaskan kesihatan dan keselamatan.
- iii. Mana-mana pekerja yang terdedah kepada sebarang bahaya perlu menghentikan kerja dengan serta-merta, melaporkan kepada kontraktor dan berkumpul di tempat yang selamat. Prosedur yang terlibat adalah:
 1. laporan kejadian dan siasatan;
 2. pengurusan tindakbalas kecemasan, pelan tindakan dan protokol tindak balas;
 3. maklumat tentang bahaya yang ada di lokasi yang berkaitan dengan kerja (contohnya trafik lokasi), risiko yang berkaitan dengan bahaya dan langkah-langkah kawalan yang dilaksanakan (contohnya aturan bagi menguruskan lalu lintas lokasi)

i) Mencegah akses tanpa kebenaran ke tapak;

Kontraktor tidak boleh memulakan kerja di tapak pembinaan melainkan jika langkah-langkah yang munasabah telah diambil untuk mencegah akses tanpa kebenaran di tapak. Mereka perlu berhubung dengan kontraktor di tapak untuk menentukan secara fizikal sempadan tapak dengan menggunakan halangan yang sesuai yang mengambil kira jenis tapak dan sekitarnya. Kontraktor utama juga perlu mengambil langkah-langkah untuk memastikan hanya mereka yang diberi kuasa untuk mengakses tapak berbuat demikian.

- i. **Bagi projek-projek yang melibatkan lebih daripada satu kontraktor**, tugas ini mesti melibatkan kontraktor berhubung dengan **Kontraktor utama** yang diperlukan untuk memastikan langkah-langkah sewajarnya diambil dalam hal ini.
- ii. **Untuk projek-projek yang melibatkan hanya satu kontraktor**, Kontraktor mesti melakukan apa sahaja yang sesuai untuk menghalang capaian yang tidak dibenarkan sebelum memulakan kerja di tapak.

Dalam keadaan ini, panduan yang diberikan untuk kontraktor utama juga relevan untuk kontraktor.

Pertimbangan khas diperlukan untuk tapak yang mempunyai:

- i. hak melalui kawasan;
- ii. kawasan kerja lain yang berdekatan, sebagai contoh, pengubahsuaian kedai di pusat membeli-belah;
- iii. rumah bersebelahan yang telah diduduki, terutama di kawasan perumahan baru-bina;

- iv. kanak-kanak atau orang yang lemah yang berdekatan, sebagai contoh, sekolah atau rumah penjagaan berhampiran tapak.


j) Menyediakan kemudahan kebajikan;

Kontraktor dikehendaki menyediakan kemudahan kebajikan yang memenuhi keperluan minimum Peraturan Kilang dan Jentera (Keselamatan, Kesihatan dan Kebajikan)1970


- i. Tugas ini hanya meliputi penyediaan kemudahan kebajikan pekerja kontraktor sendiri yang bekerja di tapak pembinaan atau sesiapa sahaja yang bekerja di bawah seliaan mereka.
- ii. Bagi projek-projek yang melibatkan lebih daripada satu kontraktor, memenuhi kewajipan ini akan melibatkan perbincangan dan persetujuan dengan kontraktor utama yang mempunyai tugas yang sama untuk menyediakan kemudahan kebajikan.
- iii. Untuk projek-projek yang melibatkan hanya satu kontraktor, kontraktor itu sendiri perlu memastikan kemudahan kebajikan yang sesuai disediakan.

4.0 PROSES PEMIKIRAN KONTRAKTOR UTAMA & KONTRAKTOR

Nota panduan ini adalah berdasarkan Kontrak Tradisional serta Kontrak Reka&Bina. (Rajah2& Rajah3)



Rajah 2: Kontrak Tradisional



Rajah 3 : Kontrak Reka dan Bina

4.1 Fasa Pra-Pembinaan

4.1.1 Kontraktor utama

Semasa fasa pra-pembinaan, Kontraktor utama hendaklah mempertimbangkan perkara berikut;

- a) Klien boleh mendapatkan nasihat awal dari kontraktor, pereka atau lain-lain pemegang tugas OSHCI (M) untuk membincangkan kemungkinan projek yang difikirkan dan meneroka idea dan kemungkinan.
- b) Sekiranya Kontraktor utama terlibat pada peringkat ini, klien akan memberi taklimat kepada Kontraktor Utama tentang kehendak dan keperluan mereka dan Kontraktor utama akan dapat bertanya soalan dan memberikan nasihat.
- c) Maklumat tentang tapak, keperluan untuk perniagaan klien untuk kekal beroperasi, melalui keperluan akses penyelenggaraan pada masa hadapan.
- d) Lawatan tapak akan membantu untuk mengenalpasti bahaya dan risiko dan mempertimbangkan cara untuk menghapus atau mengawalinya.
- e) Membincangkan pendekatan projek dan teknik pembinaan seperti apa-apa kerja sementara yang mungkin diperlukan.
 - i. Berhubung dengan pereka bentuk utama atau pereka untuk memastikan bahawa kerja-kerja itu boleh dimasukkan ke dalam projek dengan mengambil kira kesihatan dan keselamatan.
- f) Memastikan tender atau harga mencerminkan taklimat klien (kehendak projek);

- i. Memastikan bahawa tender atau harga termasuk rancangan untuk menyediakan kemudahan kebajikan dari awal kerja pembinaan;
 - ii. Mempertimbang sebarang maklumat keselamatan dan kesihatan pra-pembinaan semasa menyusun tender atau harga;
- g) Mengenal pasti kontraktor dan memastikan bahawa mereka menyediakan input kesihatan dan keselamatan pada peringkat awal dan telah menerima maklumat pra-pembinaan yang berkaitan dengan kerja-kerja mereka.

4.1.2 Kontraktor

Semasa fasa pra-pembinaan, Kontraktor hendaklah mempertimbang perkara berikut;


Menguruskan risiko keselamatan atau kesihatan pekerja dan orang lain yang berhampiran yang boleh terjejas oleh kerja-kerja pembinaan. Ini boleh termasuk tetapi terhad kepada yang berikut:

- a) Jika kontraktor adalah satu-satunya satu kontraktor untuk projek, periksa sama ada klien sedar tugas mereka dan sama ada mereka mempunyai apa-apa peraturan atau piawaian tapak tertentu.
- b) **Melakukan lawatan tapak,**
 - i. **Menyemak aturan akses dan jalan keluar** dan mempertimbang kaedah paling selamat untuk pekerja menjalankan kerja;
 - ii. **Mengenal pasti kerja lain** yang akan dilakukan pada masa yang sama dengan kerja-kerja nya dan bersetuju bagaimana mana-mana campur tangan dengan kontraktor lain akan diuruskan.


- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat asbestos atau bahan berbahaya yang lain di kawasan tapak.
 - iv. **Jika ada, atau jika telah berlaku sebelum ini**, maka, sebagai tambahan kepada langkah-langkah kawalan asbestos yang diketahui, ambil langkah-langkah untuk mengelakkan pendedahan yang tidak dijangka dengan mengatur tenaga kerja kontraktor untuk mempunyai latihan kesedaran asbestos sebelum memulakan apa-apa kerja yang boleh mengganggu pembinaan.
- c) Fikirkan tentang masa yang diambil untuk menguruskan pekerja, dan apa-apa loji dan bahan yang diperlukan, supaya boleh dianggarkan masa yang sesuai untuk memulakan kerja.
- d) Semak kemahiran, pengetahuan, latihan dan pengalaman pekerja serta uruskan apa-apa latihan semula atau latihan ulangan jika perlu.
- i. Menilai tahap maklumat, arahan dan pengawasan yang diperlukan, dengan mengambil kira latihan, pengalaman, sifat kerja dan tingkah laku pekerja.
 - ii. Membuat persiapan untuk menyediakan penyeliaan yang mencukupi oleh mereka yang mempunyai latihan yang sesuai, pengalaman dan kualiti kepimpinan bagi risiko yang mungkin terlibat.
- e) **Semak kemudahan kebajikan yang ada** sekiranya ada keperluan untuk mengatur apa-apa lagi.
- i. Periksa sama ada mana-mana peruntukan pertolongan cemas disediakan dan mencukupi. Jika tidak, aturan tambahan perlu dibuat.
